

Sekatan Perjalanan ke Luar Negara *Semak Dahulu Sebelum Disekat*

Merujuk Seksyen 104 dan 75A Akta Cukai Pendapatan 1967, dan Seksyen 22 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) adalah diberi kuasa untuk menghalang mana-mana individu daripada meninggalkan Malaysia jika mereka atau syarikat mereka mempunyai tunggakan cukai yang tidak dijelaskan kepada kerajaan. Tindakan menghalang seseorang atau individu ke luar negara ini dinamakan Sekatan Perjalanan.

Kewujudan tindakan sekatan perjalanan yang dikenakan terhadap pembayar cukai culas ini dianggap sebagai sebuah keadilan dalam konteks percukaian bagi pembayar cukai yang patuh, yang selama ini tanpa gagal membayar cukai kepada negara. Hal ini demikian kerana tindakan sekatan perjalanan merupakan satu daripada kaedah pemungutan cukai selain untuk mengelakkan ketirisan terhadap kutipan hasil negara.

Syarat Pengeunaan Tindakan Sekatan Perjalanan

Sekatan perjalanan boleh dikuatkuasakan dalam keadaan yang berikut:

- Pembayar cukai merupakan warganegara Malaysia dan warga asing yang berkemungkinan akan meninggalkan/keluar dari Malaysia tanpa membayar cukai mereka.
- Seorang pengarah syarikat yang berkemungkinan akan meninggalkan/keluar dari Malaysia tanpa membayar cukai syarikat yang mana dia bertanggungjawab membayar di bawah seksyen 75A ACP 1967/subperenggan 5(1A) dan 5(4) Jadual 1 Akta CKHT 1976.
- Pembayar cukai yang telah memfailkan Borang Q dan membuat permohonan untuk semakan kehakiman (judicial review) kecuali dalam kes yang mana perintah penangguhan prosiding (stay of proceeding) telah dikeluarkan oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa.
- Pembayar cukai yang akan dan telah didakwa bagi kesalahan sivil bagi tujuan kutipan cukai.

Sekatan perjalanan ini tidak boleh dikuatkuasakan terhadap pembayar cukai yang telah diberi kebenaran untuk pembayaran secara ansuran dan mematuhi jadual yang dipersetujui. Bagi mengelakkan timbul kesulitan terutamanya di lapangan terbang atau pintu ke luar negara, pembayar cukai dinasihatkan membuat semakan status tunggakan cukai dan sekatan perjalanan mereka melalui portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my/>.

Langkah Sekiranya Dikenakan Tindakan Sekatan Perjalanan

1. Mengemukakan Permohonan Pembatalan Sekatan Melalui Pembayaran Penuh Amaun Tunggakan Cukai

Untuk membatalkan sekatan perjalanan, pembayar cukai mesti membayar sepenuhnya jumlah tunggakan cukai seperti yang dinyatakan dalam sijil secara tunai. Mereka dikehendaki menggunakan platform **ByrHASiL** atau mana-mana **Kaedah Bayaran** lain seperti yang dinyatakan dan mengemukakan resit pembayaran tersebut kepada pejabat HASiL terdekat yang mengendalikan fail cukai mereka untuk pembatalan tersebut.

Sebagai makluman, resit pembayaran hendaklah dikemukakan **tujuh hari** sebelum **tarikh perjalanan** untuk mengelakkan sebarang kelewatan pemprosesan pembatalan sekatan. Satu surat rasmi pembatalan sekatan perjalanan akan dikeluarkan oleh HASiL sebagai rujukan pembayar cukai. HASiL juga akan mengemaskinikan maklumat pembatalan dan pelepasan ke Jabatan Imigresen Malaysia.

Oleh yang demikian, jika pembayar cukai bercadang untuk ke luar negara, misalnya untuk bercuti atau perjalanan perniagaan, mereka harus memastikan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang tunggakan cukai yang terhutang kepada kerajaan atau tindakan sekatan perjalanan dikenakan terhadap mereka.

2. Mengemukakan Permohonan Pelepasan Sementara Sekatan Perjalanan melalui Pembayaran 50 peratus daripada Amaun Tunggakan Cukai

Namun begitu, terdapat beberapa kes pembayar cukai yang tidak dapat membayar tunggakan cukai mereka sepenuhnya. Oleh itu, bagi kes sedemikian, mereka masih boleh memohon pelepasan perjalanan sementara berdasarkan syarat-syarat yang berikut:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

- i. Pembayar cukai atau wakil perlu hadir ke pejabat HASiL yang mengendalikan fail pembayar cukai **sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh perjalanan.**
- ii. Mengemukakan surat permohonan yang merangkumi maklumat destinasi, tujuan dan tempoh lawatan.
- iii. **Membuat pembayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada jumlah cukai tertunggak** seperti di dalam sijil sekatan. Mereka boleh merujuk kaedah pembayaran seperti di atas.
- iv. Surat rasmi pelepasan sementara akan dikeluarkan dengan menyatakan tempoh pelepasan sementara diberikan dan HASiL akan mengemas kini maklumat pembatalan dan pelepasan ke Jabatan Imigresen Malaysia.

Kewajaran Tindakan Sekatan Perjalanan Dilaksanakan di Malaysia

Tindakan pengenaan sekatan perjalanan ke luar negara jika dilihat dari sudut negatif sememangnya akan mengundang pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak. Ada yang menganggap sebagai satu daripada pencabulan hak asasi manusia untuk bergerak bebas seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 9 Perlembagaan Persekutuan.

Namun begitu, kita hendaklah melihat penguatkuasaan sekatan perjalanan ini dari sudut yang positif. Seperti di awal penerangan, pengenaan tindakan sekatan perjalanan ini dikuatkuasakan bagi menghalang mana-mana individu yang gagal atau culas membayar cukai kepada kerajaan untuk ke luar negara. Pengenaan tindakan ini merupakan suatu tindakan berbentuk keadilan kepada golongan yang patuh dalam melaksanakan tanggungjawab kepada negara. Adalah tidak adil jika golongan yang gagal serta culas ini diberikan hak kebebasan untuk keluar melancong ke luar negara tanpa menjelaskan cukai kepada negara. Mereka seharusnya membantu menjana pendapatan negara melalui pembayaran cukai terlebih dahulu, sebelum membelanjakan selebihnya ke luar negara.

Pengenaan tindakan sekatan perjalanan ini juga merupakan satu daripada

elemen pendidikan cukai yang membantu pembayar cukai agar sentiasa memastikan rekod percukaian mereka sentiasa dikemas kini dan teratur. Penguatkuasaannya juga dapat meningkatkan kadar pematuhan cukai di Malaysia yang memperlihatkan wujudnya elemen kesedaran membayar cukai sebelum mereka merancang untuk melakukan perjalanan ke luar negara. Bak kata pepatah, sediakan payung sebelum hujan sememangnya tepat untuk menggambarkan bagi situasi ini apabila pembayar cukai perlu menyemak dahulu status sekatan perjalanan sebelum apa-apa tindakan dilaksanakan.

Bagi mereka yang ingin ke luar negara untuk urusan keagamaan, seperti menunaikan ibadah umrah dan haji atau sebarang urusan keagamaan bagi agama lain, sudah semestinya mereka ingin ke luar negara dengan hati yang tenang semasa melaksanakan urusan tersebut. Sehubungan dengan itu, pelibatan aktif para operator serta pengendali umrah dan haji amat diperlukan bagi menasihati para jemaah untuk membuat semakan tunggakan cukai mereka terlebih dahulu serta menyelesaikannya sebelum tempahan slot diberikan kepada mereka.

Kesimpulannya, tindakan pengenaan sekatan perjalanan ini bukanlah bertujuan untuk menafikan hak sesiapa untuk bergerak, namun dilaksanakan sebagai satu daripada medium yang dapat memberikan keadilan kepada pembayar cukai yang patuh sekali gus mengelakkan berlakunya ketirisan hasil negara. Keadaan ini juga sebagai langkah untuk melahirkan komuniti pembayar cukai yang patuh dan bertanggungjawab serta bersama-sama berkongsi kemakmuran negara dalam usaha untuk membangunkan negara. 🇲🇾




Sumber: Poster HASiL

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



KUIZ: SEKATAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA: SEMAK DAHULU SEBELUM DISEKAT



Melintang

1. Sekatan perjalanan dikuatkuasakan kepada pembayar cukai yang mempunyai _____.
2. Tindakan sekatan perjalanan merupakan langkah untuk melahirkan pembayar cukai yang _____ dan bertanggungjawab.
3. Pembayaran tunggakan cukai boleh dibuat melalui pelbagai kaedah bayaran atau melalui _____.
4. Sekiranya pembayaran penuh tunggakan cukai telah dibuat, _____ sekatan perjalanan boleh dimohon dengan mengemukakan resit pembayaran.
5. Pengenaan sekatan perjalanan merupakan satu daripada elemen _____ yang membantu pembayar cukai menyimpan rekod percukaian dengan teratur.

Menegak

6. Sekatan perjalanan merupakan satu daripada kaedah _____ cukai bagi meningkatkan kutipan cukai.
7. Tindakan menghalang seseorang atau individu ke luar negara ini dinamakan _____.
8. HASiL melaksanakan pelbagai kaedah pemungutan dalam usaha untuk mengelakkan _____ terhadap kutipan hasil negara.
9. Pengenaan sekatan perjalanan kepada pembayar cukai yang culas membayar merupakan suatu tindakan agar HASiL _____ kepada pembayar cukai yang patuh.
10. Sekatan perjalanan _____ dikenakan terhadap pembayar cukai yang telah diberi kebenaran untuk pembayaran secara ansuran dan mematuhi jadual yang dipersetujui.

PERATURAN

1. Semua pembaca *Dewan Siswa* yang berumur antara 13 tahun hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
3. Tekaan hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **30 November 2024**. Jawapan yang diterima dengan lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
4. Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama : No. Kad Pengenalan :

Alamat Rumah : No. Telefon :

..... Nama Bank :

..... No. Akaun Bank : (Akaun bank milik peserta)

Nama Sekolah/Institut : E-mel :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor *Dewan Siswa*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur
atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my

